

67 set bubu naga dirampas

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang merampas 67 set bubu naga di lima lokasi dalam perairan negeri ini pada Ahad.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, rampasan dibuat pihaknya menerusi Op Benteng Laut dan Op Pertiwi di sekitar 1.0 batu nautika Timur Laut Pulau Gedung antara jam 5.10 hingga 6.30 petang Ahad.

Menurutnya, kesemua bubu naga terbabit dikesan selepas anggotanya mendapat terdapat objek pelampung yang mencurigakan di permukaan air.

“Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang boleh merosakkan ekosistem perairan serta menjelaskan sumber pendapatan nelayan lain.


“Pemiliknya boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

“Mereka yang bertanggungjawab terhadap bubu naga itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan jika disabit kesalahan,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Abd Razak berkata, kesemua set bubu naga yang dianggar bernilai RM8,000 itu dirampas sebelum dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban bagi tindakan lanjut.

Beliau mengingatkan nelayan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan yang diperuntukkan.

“Pihak Maritim akan terus memantau aktiviti haram ini dari masa ke semasa dan meminta kerjasama daripada orang ramai supaya melaporkan sebarang kes yang berlaku di perairan negeri ini,” katanya.



Anggota Maritim Malaysia mengangkat bubu naga yang ditemui dipasang berhampiran Pulau Gedung pada Ahad.